542


# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 16 BILANGAN 36 RABU 8 SEPTEMBER 1971 — 1391 رابو 18 رجب — PERCHUMA


## PENDUDOK NEGERI BRUNEI SEKARANG 135,665 ORANG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendudok Negeri Brunei pada malam banchi 10 Ogos yang lalu ia-lah saramai 135,665 orang — 72,383 orang lelaki dan 63,282 orang perempuan.

Angka ini telah di-keluarkan oleh Pejabat Setia Usaha Kerajan Bahagian Perangkaan yang mengelolakan banchi pendudok Negeri Brunei bagi tahun 1971 pada 1 September yang lalu.

Dari jumlah itu di-dapati di-Daerah Brunei-Muara ada-lah kawasan yang ramai pendudok-nya dengan 72,481 orang — 37,872 orang lelaki dan 34, 609 orang perempuan.

Daerah Belait mempunyai pendudok 42,155 orang — 23,542 orang orang lelaki dan 18,613 orang perempuan. Daerah Tutong 15,797 orang — 8,168 orang lelaki dan 7,629 orang perempuan.

Daerah Temburong ada-lah kawasan yang kechil sekali bilangan pendudok-nya dengan hanya 5,232 orang — 2,801 orang lelaki dan 2,431 orang perempuan.

Banchi Pendudok 1971 ini ia-lah banchi yang kelima di-adakan di-Brunei. Banchi Pendudok yang terakhiri sekali ia-lah dalam tahun 1960.

Banchi Pendudok dan Perumahan bagi tahun 1971 ini telah di-lancharkan sa-lama sa-minggu mulai 11 hingga 18 Ogos yang lalu.



**MENTERI Besar, Y.A.M. Pg. Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusuf sedang menyampaikan Perisai Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pg. Temenggong Muda Mohd. Bolkiah (1962) kapada ketua pasokan PERKASA 'B' yang telah berjaya menyandang naib-johan dalam perlawanan sepak takraw perengkat negeri.**

**Perlawanan yang di-anjorkan oleh PGGMB itu ada-lah sa-bahagian dari achara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang ke-25 tahun. (keputusan penoh di-siarkan di-muka 8).**

## Belia2 di-seru berwaspada terhadap anasir2 jahat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesurohjaya Kebajikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Salleh bin Haji Masri telah mengingatkan kapada semua persatuan2 belia dan kebajikan di-negeri supaya berwaspada terhadap anasir2 jahat yang chuba merosakkan perduan persatuan dan masharakat Brunei am-nya.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Salleh telah berkata demikian dipembukaan rasmi Mashuarat Agong Badan Ikatan Kebajikan Bersama Jabatan Kerjaraya Workshop kali kedua yang berlangsong di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan pada hari Ahad lepas.

Pesurohjaya Kebajikan itu menerangkan ada sa-bahagian orang yang tidak ingin melihat Brunei maju, aman-damai dan mewah dengan menghasut berbagai chara dengan tujuan merosakkan perpaduan persatuan melalui siaran akhbar dan siaran radio jiran tetangga.



**Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Salleh.**

Yang Berhormat itu berharap sa-barang anasir2 jahat yang chuba menganggu keamanan dan kenteraman hendak-lah di-tumpaskan oleh semua pendudok di-negeri ini terutama dari gulongan belia2

Akhir-nya Yang Berhormat itu mengingatkan ahli2 Badan Ikatan Kebajikan Bersama Jabatan Kerjaraya Workshop supaya bekerja bersunggoh2 dengan jujor, ikhlas dan ama-

**(Lihat Muka 8)**

## D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan akan merasmikan S.M.M. Jalan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin akan berangkat merasmikan pembukaan Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara pada 23 September ini.

Bersempena dengan pembukaan rasmi sekolah tersebut, penuntut2 dan guru2 di-sekolah itu akan mengadakan persembahan2 sa-lama dua malam berturut2.

Pada malam 23 September, mereka akan mempersembahkan achara2 yang berchorak Ugama dan pada malam 24 September pula akan mengadakan pementasan.

Sekolah yang boleh menampong 2,000 orang penuntut itu, sa-lain daripada mengajar mata2 pelajaran, ia-nya juga mempunyai kelas2 bagi pelajaran urusan rumah tangga bagi penuntut2 perempuan dan tukang kayu bagi penuntut2 lelaki.

## Nama Jalan KB/Seria tidak berubah

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan yang juga menjadi Pengerusi Lembaga Bandaran Belait ingin menarek perhatian orang ramai bahawa pehak kerajaan telah tidak mempersetujui nama Jalan Kuala Belait/Seria itu di-tukar kapada Jalan Seri Begawan.

Oleh itu, kata beliau, nama Jalan Kuala Belait/Seria itu ada-lah tidak berubah dari nama asal-nya.

Awang Haji Ali Khan menyeru orang ramai supaya tidak akan menggunakan nama Jalan Seri Begawan lagi pada masa yang akan datang bagi mengelakkan kekeliruan nama Bandar Seri Begawan.





PENGERUSI Surohanjaya Pilehan Raya, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar telah merasmikan Sekolah Melayu Orang Kaya Pemancha Berandai, Bukit Sawat pada 28 Ogos yang lepas.

Sekolah yang menelan belanja kira2 $230,000.00 itu ada-lah bagi menggantikan sekolah lama yang di-bena dalam tahun 1932.

Gambar atas kiri menunjokkan Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar ketika di-alu2kan ketibaannya di-Kampong Bukit Sawat oleh pendudok2 di-situ. Sementara gambar atas kanan menunjokkan Yang Amat Mulia sedang menanam pokok kelapa sa-bagai menandakan pembukaan rasmi bangunan baru Sekolah Melayu Orang Kaya Pemancha Berandai, Bukit Sawat. — Gambar2 Jabatan Pelajaran.

## Dua orang pembantu haiwan berkursus di-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pembantu haiwan Jabatan Pertanian telah berlepas ke-Singapura pada hari Selesa lepas untok mengikuti kursus latehan berhubong dengan perkhidmatan haiwan di-Jabatan Penghasilan Kampong di-republik itu sa-lama empat bulan.

Mereka ia-lah Awang Hassan bin Ahmad dan Awang Abdul Latif bin Haji Metussin.

Kursus tersebut ada-lah mengenai semua aspek ternakkan ayam, termasok pengawalan penyakit ayam.

Pegawai Haiwan, Awang C.V. Subramaniam ketika menyatakan bahawa ada-lah penting untok mempunyai pegawai2 terlateh khas mengenai ternakkan ayam bagi perdagangan. Ini kata-nya ia-lah kerana perkembangan perusahaan2 ternakkan ayam di-negeri ini sa-lama tiga tahun yang lalu sangat2 menggalakkan.

Beliau juga menyatakan, bahawa kebanyakkan kejadian penyakit ayam telah dapat di-kawal. Yang paling merbahaya ia-lah penyakit raniket atau New Castle yang tidak berlaku di-Brunei sa-lama sa-tahun sa-tengah.

## Kapal pengorek SEDCO 135 pindah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kapal pengorek SEDCO 135 telah pindah ka-kawasan kira2 11 batu ka-utara Kuala Belait.

Ia-nya sekarang berada di-Barat Daya AMPHA-R dalam Garis Lintang 4 darjah 45 minit 45 perpulohan lima sa'at utara dan Garis Bujor 114 darjah 12 minit 47 sa'at timor.

Pelaut2 ada-lah di-minta supaya berlayar jauh dari kapal itu.

Pelaut2 yang terpaksa belayar melalui kawasan kapal pengorek itu ada-lah di-ingatkan supaya berhati2 dan perlahan2.

Tempat kedudokan-nya yang lama di-Fairley Timor A sekarang bebas bagi pelayaran.



Awang Jaya bin Abd. Latif

## Menghadhiri kursus pentadbiran awam di-United Kingdom

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Jaya bin Abdul Latif sa-orang pegawai pentadbir kerajaan telah berlepas ke-United Kingdom pada hari Sabtu lepas untok menghadhiri kursus pentadbiran awam sa-lama kira2 sa-tahun di-Manchester Universiti.

Sa-belum pemergian-nya, Awang Jaya ia-lah penolong peribadi kapada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Beliau ada-lah pegawai pentadbir kerajaan Brunei yang kedua menghadhiri kursus tersebut di-universiti itu.

Pegawai pertama ia-lah Ag. Abidin bin Abdul Rashid yang sekarang menyandang jawatan sa-bagai pegawai pentadbir di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

## Perkhemahan tahunan Pengakap Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Pengakap2 di-Daerah Belait akan mengadakan perkhemahan tahunan mereka di-kawasan perkhemahan di-Sungai Tali sa-lama tiga hari mulai 24 September.

Beberapa peraduan akan diadakan sa-masa perkhemahan tersebut. Mereka juga akan mengadakan temasha unggun api pada hari Sabtu 25 September. Orang ramai ada-lah di-jemput untok menyaksikan temasha tersebut.

Sementara itu, Pesurohjaya Pengakap Daerah Belait, Ag. Abu Bakar Othman meminta guru2 pengakap di-daerah itu supaya memberikan bilangan pengakap2 dari pasokan mereka masing2 yang akan menyertai perkhemahan itu tidak lewat dari 15 September.

## Pertunjokkan Pertanian di-K.B.

KUALA BELAIT. — Pertunjokkan pertanian kali yang ketiga di-anjorkan oleh Jabatan Pertanian Kuala Belait akan di-adakan pada hari Ahad 19 September ini bertempat di-Sekolah Ugama Pekan Belait.

Peladang2 dan pendudok2 di-daerah itu ada-lah di-jemput untok mengambil bahagian dalam pertunjokkan itu.

Barang2 yang akan di-pertunjokkan itu nanti ia-lah berupa buah2an, ternakan sa-perti ayam-itek, telor, sayor2-an dan berbagai jenis hasil perusahan dan pertanian serta masak2an.

Segala barang2 yang akan di-pertunjokan hendak-lah di-hantar kapada pengawas pertunjokkan pada hari Sabtu 18 September dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang, kechuali sayor2-an dan masak2an boleh-lah di-hantar pada hari Ahad 19 September tidak lewat dari jam 7.30 pagi.

## Pegawai2 pulis berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang pegawai Pulis Diraja Brunei, Inspektor Awang Haji Saleh bin Haji Hassan telah berlepas ka-Hong Kong pada hari Ahad lepas untok mengikuti kursus latehan chawangan lalu lintas sa-lama sa-sa-bulan di-Sekolah Latehan Pulis Hong Kong.

Sa-orang lagi pegawai pulis, Inspektor Awang Lim Pang Kit juga telah berlepas ka-United Kingdom pada hari Isnin.

Inspektor Lim Pang Kit akan mengikuti kursus latehan radio sa-lama dua tahun di-universiti Strathclyde, Glasgow, Scotland.

# ISLAM MENEGAH BERUBAT DGN. BENDA2 NAJIS DAN BENDA2 YANG HARAM

## KHUTBAH JUMA'AT

### Anggapan sa-tengah2 orang Islam bahawa arak dan benda2 lain yg. termasok dalam istilah arak itu sa-bagai ubat, ada-lah terang2 berlawanan dengan kehendak Ugama

DALAM Khutbah Jumaat yang lalu kita telah menyentoh berkenaan dengan hukum2 berubat daripada penyakit dan perkara kekurangan tenaga2 yang berkemahiran dalam bidang perubatan dari kalangan masharakat Islam kita di-negeri ini.

Di-dalam khutbah kali ini kita sukachita pula memperkatakan lebeh lanjut berhubong dengan masaalah perubatan dan rawatan.

Oleh kerana Islam telah menegaskan bahawa bagi tiap2 penyakit itu ada ubatnya melainkan tua, maka masharakat kita di-negeri ini patut-lah menyedari bahawa membiarkan diri di-serang penyakit dengan tidak berikhtiar untok berubat ada-lah terang2 berlawanan dengan kehendak2 ugama kita.

Mungkin ada orang bertanya: Apakah dengan ada-nya galakkan Islam untok berubat itu berarti supaya kita memakan atau menggunakan sa-barang ubat?.

Menurut kitab yang bernama Fatawa Shar'iah Wubuhuth Islamiah, yang di-tulis oleh Mufti Mesir Shahibul Fadzilah Al-Ustaz Al-'Allamah Al-Sheikh Husnin Mohammad Makhluf bahawa telah sa-kata Jumhurulaimmah tentang hukum-nya berubat dengan semua benda2 najis dan benda2 yang di-haramkan oleh Allah termasok-lah arak dan benda2 yang memabokkan. Hal ini ada-lah berdasarkan hadith daripada Abi Addarda kata-nya: Telah bersabda Rassulullah s.a.w. yang bermaksud:

**"Sesunggoh-nya Allah menurunkan penyakit dan ubat serta menjadikan bagi satiap penyakit itu ada ubat-nya, maka hendak-lah kamu berubat dan jangan-lah kamu berubat dengan yang haram".**

Daripada Wa'il bin Hajar bahawa Tarik bin Suaid telah bertanya kapada Rassulullah s.a.w. tentang arak, maka baginda pun melarang-nya, lalu berkata-lah Tarik: **"Sesunggoh-nya saya membuat ia-lah untok ubat".** Baginda menjawab yang bermaksud: **"Sesunggoh-nya ia-nya bukan-lah ubat tetapi ia-lah penyakit".**

Berkata Ibnu Masud sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Al-Bokhari, bahawa sesunggoh-nya Allah tiada-lah menjadikan apa2 yang haram itu kesembohan bagi kamu. Beliau telah menyebutkan sabuah hadith daripada Rassulullah s.a.w., bahawasa-nya baginda telah bersabda yang bermaksud:

**"Barang siap berubat dengan arak neschaya Allah tidak akan menyembohkan-nya".**

Walau bagaimana pun kita tidak bermaksud untok menghuraikan panjang leber tentang pendapat2 ulama dalam perkara ini, tetapi daripada hadith2 yang kita sebutkan di-atas telah jelas-lah kapada kapada kita bahawa pada dasar-nya Islam ada-lah menegah berubat dengan benda2 najis dan benda2 yang haram.

Jadi dari sini dapat-lah kita mengambil kesimpulan bahawa anggapan sa-tengah2 orang Islam bahawa arak dan benda2 lain yang termasok dalam istilah arak itu sa-bagai ubat, ada-lah terang2 berlawanan dengan kehendak2 Ugama.

Kerana itu pengkajian perubatan perlu-lah di-perluaskan bagi menggelakkan jangan sampai kita menggunakan ubat2 yang tidak sesuai dengan kehendak2 ugama. Jika sekira-nya sa-suatu jenis ubat itu belum muzarab, maka itu-lah tanda-nya ubat itu belum sesuai dengan kehendak penyakit.

Maka dengan ini ada-lah di-serukan supaya tuan2 senentiasa mematohi ajaran2 ugama supaya dengan demikian mudah2an Allah akan senentiasa memelihara kita daripada sebarang penyakit yang membawa penderitaan kapada kita.

## PERKA akan mengadakan sambutan Isra' dan Me'raj

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan PERKA akan mengadakan sambutan Isra' dan Me'raj bertempat di-Balai Raya Kampong Jaya Setia Kampong Perpindahan Berakas pada 20 September ini.

Antara achara2 yang akan di-persembahkan pada malam itu ia-lah peraduan membacha sajak yang terbuka kapada persatuan2 belia, sekolah2 dan maktab2.

Borang2 untok memasoki peraduan itu boleh di-dapati dari Awang Abidin bin Mohammad Zain di-Jabatan Penyiran dan Penerangan dan Awang Yahya bin Mohammad Zain di-Jabatan Kebajikan Masharakat, Bandar Seri Begawan.

Tarikh penutup untok menyertai peraduan itu ia-lah pada 10 September.

## Peraduan membacha Quran Brunei Tiga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan membacha Quran bagi orang2 dewasa Bahagian Brunei Tiga untok memileh wakil ke-peraduan membacha Quran Perengkat Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan pada 9 September di-Madrasah Mesjid Setia Ali di-Muara.

Sa-ramai 14 orang peserta, enam orang lelaki dan lapan orang perempuan akan mengambil bahagian.

Pemenang2 pertama, kedua dan ketiga dalam tiap2 bahagian akan mewakili Bahagian Brunei Tiga ke-peraduan perengkat yang akan di-adakan di-Sekolah Melayu Sengkurong pada 18 September.

## Sambutan Isra' dan Me'raj di-Daerah Temburong

PEKAN BANGAR. — Daerah Temburong akan mera-'ikan sambutan Isra' dan Me'raj dengan mempersembahkan bebagai achara yang berchorak ugama pada 10 September, bertempat di-Pekarangan Mesjid Utama Mohammad Salleh mulai jam 8.00 malam.

Majlis sambutan itu akan di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Salleh bin Hidup.

Kemunchak dari achara yang akan di-persembahkan pada malam itu ia-lah peraduan Membacha Sajak dan Nashid.

Peraduan membacha sajak itu ada-lah terbuka kapada sekolah2 dan persatuan2 belia sementara peraduan nashid hanya terbuka kapada sekolah2 ugama di-daerah itu.

Johan2 dalam peraduan membacha sajak dan nashid itu akan mewakili Daerah Temburong ka-peraduan perengkat negeri yang akan di-adakan di-Pekan Tutong lewat bulan ini.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

*Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 8 Sept., 1971 hingga ka-hari Selasa 14 Sept., 1971 ada-lah saperti di-bawah ini:—*

| *Hari Bulan* | *Dzohor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 8 Sept. | 12-23 | 3-39 | 6-28 | 7-40 | 4-40 | 4-55 | 6-12 |
| 9 Sept. | 12-23 | 3-39 | 6-28 | 7-40 | 4-40 | 4-55 | 6-12 |
| 10 Sept. | 12-23 | 3-39 | 6-28 | 7-40 | 4-40 | 4-55 | 6-12 |
| 11 Sept. | 12-22 | 3-38 | 6-26 | 7-39 | 4-39 | 4-54 | 6-11 |
| 12 Sept. | 12-22 | 3-38 | 6-26 | 7-39 | 4-39 | 4-54 | 6-11 |
| 13 Sept. | 12-22 | 3-38 | 6-26 | 7-39 | 4-39 | 4-54 | 6-11 |
| 14 Sept. | 12-22 | 3-38 | 6-26 | 7-39 | 4-39 | 4-54 | 6-11 |

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendah-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.*

*Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.*

# TEMU-RAMAH MENGENAI DENGAN RANCHANGAN PENCHEN2

**KERAJAAN Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Penchen2 Negara sekarang memberikan penchen kapada 4,590 orang di-seluroh negeri. Penchen2 yang di-bayar sa-banyak $20.00 bagi tiap2 sa-orang yang berumor 60 tahun ka-atas itu di-mulai di-bayar dari sejak tahun 1954.**

**Sa-lain daripada memberian penchen2 tua itu, kerajaan juga memberikan alaon kapada orang buta dan tanggongan-nya, bayaran tanggongan orang2 sakit kusta dan bayaran tanggongan orang2 gila.**

**Untok mengetahui sharat2 bagi orang2 yang berhak menerima penchen2 tersebut, berikut ini ada-lah temu-ramah penerbit Ranchangan Panorama Radio dengan Timbalan Pengawal Penchen Negara, Awang Moksin bin Pukul. Temu-ramah ini telah di-siarkan melalui Radio Brunei pada 28hb. Ogos yang lepas.**

Tanya: *Dari semenjak tahun berapakah kerajaan telah memulakan ranchangan penchen itu?*

Jawab: Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah meranchangkan penchen2 dari sejak tahun 1954, tetapi kuatkuasa-nya di-jalankan mulai 1hb. Januari, 1955 bagi pembayaran penchen umor tua dan manakala penchen2 buta serta tanggongan-nya, alaon tanggongan orang2 gila dan alaon tanggongan sakit kusta mula di-bayar pada 1hb. Julai, 1955.

Tanya: *Dapatkah tuan menerangkan, orang yang macham manakah boleh memohon untok mendapatkan penchen2 dan bagaimana dengan orang2 bukan raayat di-negeri ini, tetapi sudah diam lama di-negeri ini, adakah mereka itu juga berhak mendapatkan penchen?*

Jawab: Orang2 yang berhak menerima penchen2 tidak-lah kira sama ada orang itu raayat Duli Yang Maha Mulia atau sebalek-nya asalkan sahaja memenohi sharat2 Undang2 Penchen2 Negeri No. 10, 1954 saperti berikut:

1. **Penchen Umor Tua**
   - (a) Ia telah berumor enam puloh tahun;
   - (b) sama ada:
     - i) Ia telah di-lahirkan dalam negeri dan telah berdiam dalam negeri sa-lama masa tidak kurang dari 10 tahun atau,
     - ii) Ia telah di-lahirkan di-luar negeri dan telah berdiam dalam negeri sa-lama masa tidak kurang 30 tahun sa-belum tarikh ia berhak kerana penchen tersebut.

2. **Penchen Buta dan Tanggongan-nya**
   - (a) Ia telah berumor lima belas tahun;
   - (b) Ia oleh sebab buta-nya tidak dapat bekerja, dan
   - (c) Ia telah berdiam di-dalam negeri dalam masa tidak kurang dari 10 tahun sa-belum tarikh permohonan-nya.

3. **Bayaran tanggongan orang2 sakit kusta**
   - (a) Ia telah berumor lima belas tahun;
   - (b) Ia orang tanggongan daripada sa-orang sakit kusta;
   - (c) Orang sakit kusta itu sedang menerima rawatan di-dalam sa-suatu tempat sakit kusta yang di-persetujui oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan negeri, dan
   - (d) Orang itu telah berdiam dalam negeri sa-lama masa tidak kuran dari 10 tahun sa-belum tarikh ia berhak kerana bayaran pertolongan itu.

4. **Bayaran tanggongan orang gila**
   - (a) Ia telah berumor lima belas tahun;
   - (b) Ia sa-orang tanggongan daripada orang gila;
   - (c) Orang gila itu menurut sharat2 Undang2 Penchen Orang Gila sama ada di-tahan dalam hospital gila atau di-serahkan jagaan-nya kapada sa-orang saudara atau sahabat;
   - (d) Orang itu telah berdiam dalam negeri sa-lama masa tidak kurang dari 10 tahun sa-belum tarikh ia berhak kerana bayaran pertolongan itu.

5. **Penchen orang yang tidak berdaya anggota-nya**
   Penchen tersebut pada masa ini belum lagi di-bayar kerana kuasa-nya belum lagi di-jalankan.

Tanya: *Bagaimana-kah chara-nya bagi pehak tuan mendapat keterangan2 bahawa sa-seorang itu memeng benar2 berhak mendapat penchen2 dan apakah butir2 yang harus tuan dapatkan?*

Jawab: Jika sa-seorang itu dapat memenohkan sharat2 mengikut Undang2 yang ia berhak mendapat penchen2, chara-nya membuat permohonan:–

1. Ia hendak-lah melaporkan diri kapada penghulu/ketua kampong masing2 dengan memberi segala keterangan2 itu.
2. Ia menyediakan segala keterangan2 bagi diri-nya saperti kad pengenalan, paspot dan lain2 surat.
3. Penghulu/ketua kampong akan membawa perkara itu kapada Pegawai Penchen yang berpejabat dalam daerah masing2 untok mendapatkan borang2 tertentu saperti Borang A (P. 3) P.U.T. untok di-isikan dan di-tanda-tangani.

Dalam perkara ini Pegawai Penchen merasa susah untok menimbangkan apabila pemohon2 itu menunjokkan keterangan saperti kad pengenalan, paspot, residence permit dan lain2 kerana keterangan2 yang di-hadapkan itu kadang2 ada banyak di-dapati tidak sama chatetan umor mereka dan kelamaan mereka diam di-sini.

Oleh sebab menurut pendaftaran beranak mereka tidak ada, maka mengikut Undang2 Penchen Bab 16 cherian (2) memberi kuasa kapada Pegawai Penchen berhubong dengan pemereksaan tabib dan lain2.

Dengan kuasa2 ini Pegawai Penchen akan menguruskan pemohon2 itu dengan memberikan borang tertentu yang lengkap untok di-bawa kapada Pengarah Perkhidmatan dan Kesihatan Negara bagi mendapatkan pendapat-nya berkenaan dengan umor pemohon itu.

Jika pemohon itu tidak puas hati, maka Pengawal Penchen2 boleh memberi peluang kapada mereka untok merayu kapada Sultan dalam Majlis Mashuarat.

Tanya: *Jika sa-seorang itu diam di-kampong pendalaman, tetapi mendapat penchen2, bagaimana-kah pehak Tuan menghubongi - nya, dan bagaimana chara pembayaran-nya?*

Jawab: Perkara ini tidak menjadi kesulitan kerana sa-orang yang sudah mendapat penchen akan menerima bayaran Penchen-nya daripada penghulu atau ketua kampong-nya masing2, kerana tiap2 penghulu atau ketua kampong pada tiap2 bulan di-hari yang di-tentukan oleh Pegawai Penchen2 akan mengambil wang tersebut dari Pengawal Penchen di-daerah masing2.

Tanya: *Masa ini berapa banyak-kah orang2 di-seluroh negeri ini yang menerima penchen umor tua?*

Jawab: Pada masa ini Jabatan Penchen2 telah membayar penchen di-seluroh negeri ini berjumlah 4,590 orang, ia-itu:

Daerah Brunei/Muara — 2,567 orang;
Daerah Belait — 804 orang;
Daerah Tutong — 990 orang;
Daerah Temburong — 229 orang.

Tanya: *Masa ini Kerajaan telah memberikan wang penchen umor tua sa-banyak $20.00 tiap2 orang yang berhak menerima-nya, adakah nanti akan di-tambah atau di-naikkan penchen ini?*

Jawab: Tidak di-naikkan kerana pembayaran penchen pada masa ini ada-lah mengikut Undang2 Penchen2 Negeri 1954 sa-bagaimana dalam jadual ia-itu Penchen Umor Tua di-bayar sa-banyak dua puloh ringgit pada tiap2 sa-orang sa-bulan.

## Pegawai2 AMDB berkursus di-Australia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai Askar Melayu Diraja Brunei, Keptan Pengiran Abidin bin Pengiran Ahmad dan Keptan Jock Lin bin Kong Paw telah berlepas ka-Australia untok menghadhiri latehan tugas2 penerbangan helikopter dan Penerbangan Tektikal di-Skuadron ke-lima, Tentera Udara Diraja Australia, Fairburn.

Latehan itu akan tamat pada 18 Disember ini.

## Kejohanan lumba perahu di-Sg. Belait

KUALA BELAIT. — Kejohanan lumba perahu tahunan Persatuan Lumba Perahu Amateur Timor Jauh akan di-adakan di-Sungai Belait dari 1 hingga 3 Oktober hadapan.

Kelab Lumba perahu Miri-Belait akan menjadi tuan rumah dan penganjor perlumbaan itu. Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf telah berkenan untok menjadi penaong temasha lumba perahu itu.

Peserta2 di-jangka akan menyertai kejohanan tersebut ia-lah Kelab Lumba Perahu Diraja Hong Kong, Kelab Lumba Perahu Manila, Kelab Lumba Perahu Layar Singapura, Kelab Lumba Perahu Changi, Singapura, Kelab Lake Calcutta, Le Club Nautique de Saigon dan Kelab Lumba Perahu Miri-Belait.

Achara perlumbaan permulaan akan bermula pada sebelah tengah hari, hari Jumaat 1 Oktober sementara achara utama akan di-adakan pada hari Sabtu 2 Oktober.

Pada hari Ahad 3 Oktober, Kelab Lumba Perahu Miri-Belait yang menjadi tuan rumah akan mengadakan perlumbaan perahu berkayoh dan pendudok2 di-negeri ini akan di-undang untok menyertai perlumbaan itu.

Hadiah2 kapada pemenang2 akan di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara.





## UPACHARA PERBARISAN TAMAT LATEHAN REKRUT2 AMDB

**BERAKAS. — Rekrut2 Askar Melayu Diraja Brunei telah di-nasehatkan supaya memelihara taraf disiplin yang tinggi yang ada dalam pasokan itu.**

**Gambar kiri: Lt. Col. Bowring ketika menyampaikan uchapan sementara gambar bawah menunjokkan beliau memereksa barisan rekrut AMDB.**

Lt. Colonel T. Bowring, Pemerentah Pasokan 2/2 King Edwards Own Goorkha Rifles telah memberi nasehat itu apabila beliau menerima tabek di-upachara perbarisan tamat latehan bagi 45 orang rekrut di-padang perbarisan di-Khemah Bolkiah pada hari Jumaat lepas.

Colonel Bowring berkata, rekrut2 itu sekarang sudah di-terima sa-bagai askar2 yang terlateh.

Beliau juga menasehatkan rekrut2 itu bahawa mereka hendak-lah jangan berhenti berusaha untok berlajar bagi faedah mereka dan Askar Melayu Diraja Brunei.

Upachara perbarisan tamat latehan hari ini ia-lah bagi rekrut2 kumpulan ke-23. Mereka telah di-bahagikan dalam dua platoon semasa dalam latehan.

Lt. Colonel Bowring juga telah menyampaikan hadiah2 kapada rekrut2 yang terbaik, penembak2 yang terbaik dan rekrut2 yang terbaik dalam latehan jasmani.

Hadiah2 bagai rekrut yang terbaik dan penembak yang terbaik rifle 16mm telah di-menangi oleh Rekrut Mahmud dan Rekrut Madaroh.

Hadiah2 bagi penembak machine-gun rengan yang terbaik telah di-menangi oleh Rekrut Jumat dan Rekrut Tudin.

Hadiah2 bagi rekrut2 yang terbaik dalam latehan jasmani telah di-menangi oleh Rekrut Marsal dan Rekrut Asud.

## Talentime: Tiga orang di-pileh ka-perengkat akhir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang penyanyi perseorangan telah di-pileh ka-pertandingan akhir Talentime 1971 yang akan di-adakan di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Seri Begawan pada 9hb. Oktober yang akan datang.

Ketiga2 orang penyanyi itu — dua dari Daerah Brunei-Muara dan sa-orang dari Daerah Belait — telah di-pileh dari 10 orang peserta yang megambil bahagian dalam saringan pertama yang telah di-siarkan pada 31hb. Ogos yang lepas.

Mereka ia-lah Awang Isman Zailani dari Brunei-Muara yang menyanyikan lagu 'Black Magic Woman', Alita Chik juga dari Brunei-Muara yang membawakan lagu 'Release Me' dan Robert Koh dari Kuala Belait dengan lagu-nya 'Something'.

Kumpulan gitar ranchak 'Wanderer Revival' akan mengiringi penyanyi2 dalam pertandingan akhir itu nanti.

Gambar2 di-bawah ini ada-lah sa-bahagian dari peserta2 yang mengambil bahagian dalam pertandingan Talentime 1971.



**Elenor Leong** akan membawakan lagu "the Wedding"



**Tony Leong** akan dapat di-dengar suara-nya dalam saringan ketiga. Lagu yang akan di-bawakan-nya ia-lah "Something".



**Dayang Koh Bee Lian** menyanyikan lagu "Pretty Ribbon".

## Ahli2 J/K baru Persatuan PERWIRA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Che'gu Awangku Tuah bin Pengiran Apong dan Awang Haji Abd. Hamid bin Damit masing2 telah di-pileh sa-bagai Yang Di-Pertua dan Setia Usaha Agong Persatuan PERWIRA.

Keputusan ini telah di-ambil dalam mashuarat agong tahunan yang kedua yang telah di-adakan di-Dewan Puspa pada hari Jumaat 3 September lepas.

Lain2 ahli2 jawatankuasa baru yang di-lantek dalam mashuarat itu ada-lah saperti berikut:

**Naib—Yang Di-Pertua:-** Awang Abd. Rahman bin P.D.H.A. Bakar; **Naib—Setia Usaha Agong:-** Awang Junaidi bin Tuah, **Pengerusi:-** Awang Mahmud bin P.D.G.H.A. Bakar, **Bendarati Agong** — A. Nasir bin Hidup dan **Naib — Bendahari Agong** — Ag. Takong bin Haji Munap.

# KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 78/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Bagol bin Garip, Kampong Limpaki, Limbang, Sarawak, Malaysia kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ranggas bin Dollah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah Anak kemanakan kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 haribulan September, 1971, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 25 haribulan Ogos, 1971.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 79/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Afasah bte. Haji Omar, Kampong Lumapas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Omar bin Mohamad yang telah meninggal dunia di-Mekah, Saudi Arabia dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak perempuan kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 haribulan September, 1971, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 30 haribulan Ogos, 1971.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 80/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Mohamed bin Tarip, Pej. Daerah Brunei-Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tarif bin Ismail yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 haribulan September, 1971, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 31 haribulan Ogos, 1971.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 81/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Gapor bin Muntal, Ketua Kampong Putat, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Montal bin Haji Osman @ Muntal bin Haji Othman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 haribulan September, 1971, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 25 haribulan Ogos, 1971.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 82/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Aminah bte. Aman, Kampong Tanjong Maya, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Zainal bin Ahim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah Isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 haribulan September, 1971, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 25 haribulan Ogos, 1971.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 83/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Akop bin Sura, Kampong Serdang, Jalan Kota Batu, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Sura bin Membar @ Sura bin Mimbar yang telah meninggal dunia di-dalam Saudi Arabia, dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 haribulan September, 1971, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 25 haribulan Ogos, 1971.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 84/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Jamudin bin Samat, Kampong Burong Pinggai Ayer, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mawang bin Jamudin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah bapa kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 haribulan September, 1971, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 25 haribulan Ogos, 1971.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 85/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Halimah bte. Abu Bakar, No. 22, Kampong Kianggeh, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Jambol bin Buntar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 haribulan September, 1971, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 25 haribulan Ogos, 1971.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 86/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Tudin bin Haji Taha, Kg. Babatik, Masin, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Taha bin O.K. Salleh yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 haribulan September, 1971, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 25 haribulan Ogos, 1971.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 88/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Kamis bin Hashim @ Kurus, General Post Office, Bandar Seri Begawan kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Minah bte. Puasa yang telah minggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 haribulan September, 1971, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 25 haribulan Ogos, 1971.

---

SURAT KUASA PESAKA

No. 89/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Serudin bin Abdullah, Kampong Saba, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Jarah binte Dollah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 haribulan September, 1971, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 25 haribulan Ogos, 1971.

**CHARLIE FOO CHEE TUNG,**
**Pegawai Penguasa Warith.**




**Gambar atas menunjokkan lapan orang pengakap yang mewakili negeri ini ka-Jambori Pengakap sa-Dunia yang ke-13 yang berlangsong di-Jepun dalam bulan lepas bergambar di-pintu khemah mereka. Berdiri dari kiri: Awang Vetty Lim, Awang Salleh bin Haji Ibrahim, Awang Mohd. Ali Daud (ketua rombongan), Awang Yusof Hamid dan Awang Md. Daud bin Haji Timbang. Dudok dari kiri ia-lah Che'gu Abu bin Mohd. Yusof, Awang Denny Harith Skinner dan Awang Damit bin Haji Chuchu.**

# Jawatan2 Kosong

## Sa-bagai Penjaga Asrama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Penjaga Asrama di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kekosongan itu ada-lah:-

a) Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong — (1 lelaki dan 1 perempuan)

b) Sekolah Inggeris Tutong — (1 perempuan)

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dan hendak-lah sebaik2-nya mempunyai pengalaman dalam penyeliaan dan pengurusan sa-buah asrama, termasok pengalaman memasak makanan Melayu.

**Tugas2:**

a) Menjaga asrama dan pekerja2 dapor.

b) Menjaga membeli dan memereksa barang2 yang di-bekalkan, menyediakan jadual2 makanan serta makan minum di-asrama.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D.3 — 4 EB 5 — $380x20-620/EB/-640x20-700. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 14hb. September, 1971.

## Sa-bagai Amah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada raayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Amah di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

*Kelayakan2:*

Chalun2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 40 tahun dan boleh bertutor dalam bahasa Melayu. Mereka hendak-lah sebaik2-nya mempunyai pengalaman sa-bagai amah rumah sakit.

*Tugas2:*

Chalun2 yang terpileh akan di-tempatkan di-Rumah2 Sakit Kerajaan, Gedong2 Ubat, Kelinik2 Kesihatan dan Asrama2 Jururawat.

Pemohon2 mesti-lah bersedia untok bertugas siang atau malam dan bekerja di-mana2 daerah di-negeri ini.

*Gaji:*

Dalam sukatan gaji F 2-3 EB 4 — $180x5-220/EB/225x5-240.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 18 September, 1971.

# KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 90/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Banun bte. Na'aim, No. 94, Kampong Lambak, J. Pasir, Beraka kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Naim bin Majid yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak perempuan kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 haribulan September, 1971, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 31 haribulan Ogos, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 91/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Jauyah bte. Muntol, D/a. A. Baha b. Tahir, Pej. Perubatan kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Juru Muntol bin Tamit @ Juru Laki Muntol yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak perempuan kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 haribulan September, 1971, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 31 haribulan Ogos, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 92/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ag. Mohd. Asolie @ Ismail bin Daud, No. 61, Kg. Serasa, Muara kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Daud bin Lunjong yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 haribulan September, 1971, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan September, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 93/1971.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh B.4228 Mohd. Daud bin Hj. Duraman, B Coy. A.M.D.B., Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Abdul Rahman bin Haji Osman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 haribulan September, 1971, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan September, 1971.

**IN THE COURT OF THE PROBATE OFFICER, BANDAR SERI BEGAWAN.**

ADMINISTRATION SUIT

No. 87 of 1971.

Application to this Court having been made by Chee Yong Fah, 144, 2nd floor, Jalan Chevalier, Brunei of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Tai Kon Fatt late of Tawau, Sabah deceased, on the ground that he is lawful attorney of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Bandar Seri Begawan on the 11th day of September, 1971, at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Bandar Seri Begawan, before the above date.

Dated this 25th day of August, 1971.

**CHARLIE FOO CHEE TUNG,**
**Probate Officer.**

## Penuntut2 yang di-serang penyakit ganjil semboh semula

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 21 dari 25 orang penuntut perempuan yang di-serang penyakit ganjil dua minggu lalu telah kembali semula ka-Asrama Perempuan di-Sekolah Melayu Pusar Ulak, Bandar Seri Begawan sa-telah berehat di-rumah keluarga masing2.

Penuntut2 perempuan itu telah di-serang penyakit ganjil di-Asrama Perempuan Sekolah Melayu Pusar Ulak pada malam 24 dan 25 Ogos. Penyakit ganjil itu menyerang dengan tiba2 melalui pandangan, perasaan dan pendengaran.

Pagawai Pentadbir Asrama, Pengiran Tuah bin Pengiran Haji Chuchu memberi tahu Pelita Brunei bahawa Jabatan Perubatan dan Kesihatan tidak dapat mengsahkan jenis penyakit itu tetapi berkta penyakit serupa itu biasa terjadi kapada gadis2 yang meningkat umor dewasa di-mana2 saja.

Dan apabila kejadian itu berlaku orang lelaki tidak boleh memberi pertulongan kapada mereka melainkan hanya orang2 perempuan saja.

Pengiran Tuah berkata ibu bapa dan penjaga murid2 jangan-lah merasa bimbang akan kejadian2 itu dan murid2 perempuan yang tinggal di-Asrama itu sekarang dalam keadaan baik.

Sa-orang penjaga perempuan telah di-khaskan di-Asrama itu dan 4 orang bumoh Melayu telah di-panggil.

Asrama itu mempunyai dua blok ia-itu satu blok untok penuntut2 lelaki sa-ramai 150 orang dan satu blok lagi penuntut2 perempuan sa-ramai 150 orang, kebanyakkan mereka datang dari kawasan pendalaman.

### BELIA2 DI-SERU BERWASPADA

(Dari Muka 1)

nah dan bertanggong jawab dalam melaksanakan tugas yang di-berikan kapada mereka.

Turut memberi uchapan di-majlis itu ia-lah Pengiran Syed Shahminan bin Pengiran Syed Mashor wakil dari Pengarah Jabatan Kerja Raya, Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Utama Awang Haji Mohamed Zain Haji Serudin dan Setia Usaha Agong Badan Ikatan Kebajikan Bersama Awang Anuar bin Mohamed Yusof.



**Y.A.B. Menteri Besar menyampaikan perisai kapada Awang Damit dari Persatuan PERKASA yang telah menjadi johan dalam perlawanan sepak raga bulatan. Perisai tersebut di-hadiahkan oleh Iktesad Guru2 Melayu Brunei dalam tahun 1964.**

## *Keputusan sepak takraw perengkat seluroh negeri*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kampong Saba "A" dan "B" rengkas-nya PERKASA, berjaya menjadi johan dan naib-johan seluroh negeri dalam perlawanan akhir sepak takraw yang di-adakan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Perlawanan itu di-anjorkan oleh Persatuan Guru2 Melayu Brunei sa-bahagian dari achara bersempena menyambut perayaan hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-25

Persatuan PERKASA yang menjadi johan tahun lalu telah mengekalkan Perisai Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah yang di-dermakan dalam tahun 1962.

Persatuan PERKASA "B" yang menjadi naib-johan tahun ini memegang perisai Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Mudah Mohamed Bolkiah yang di-dermakan dalam tahun 1962.

Persatuan PERKASA juga telah menjadi johan dalam perlawanan sepak raga bulatan, naib-johan — Persatuan Pemuda Pemudi Kebun dan pemenang ketiga Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara.

## DUA ORANG DAPAT PENGHORMATAN DARI BAGINDA QUEEN

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Baginda Queen telah mengurniakan bintang dan pingat kapada dua orang anggota Askar Melayu Diraja Brunei kerana keberanian mereka dalam gerakan udara.**

Bintang Tentera Udara telah di-kurniakan kapada Juruterbang Alex Riddoch dan Pingat Tentera Udara kapada Serjan Michael Berley kerana keberanian mereka dalam gerakan menyelamat sa-orang yang chedera parah dari sa-buah kapal pengorek yang telah meletup dan terbakar di-laut Bintulu, Sarawak pada 6 Januari tahun ini.

Kedua2 orang itu ada-lah di-pinjam dari Tentera Udara Diraja untok berkhidmat dengan Askar Melayu Diraja Brunei.

Dua buah helikopter jenis Wessex Askar Melayu Diraja Brunei telah terbang ka-Bintulu pada awal pagi 6 Januari atas permintaan Sharikat Minyak Shell Berhad untok menolong dalam gerakan menyelamat. Helikopter yang di-pandu oleh Juruterbang Riddoch telah mula2 tiba di-tempat kejadian itu.

Atas permintaan dari sa-buah helikopter Sharikat Shell di-kawasan itu Juruterbang Riddoch telah di-minta kira-nya ia mahu menchuba melakukan gerakan menyelamat itu.

Satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Askar Melayu Diraja Brunei berkata, walaupun kebakaran maseh lagi berlaku di-atas kapal itu dan di-selubongi oleh asap dan wap dan ada-nya bahaya kemungkinan berlaku-nya letupan gas, Sarjan Juned bin Hj. Untong telah di-turun dengan tali winch ka-atas pelantar yang terbakar itu dan orang yang chedera parah itu telah dapat di-selamat.

Kenyataan itu berkata, tiga orang anak buah helikopter itu telah menunjokkan keberanian yang gilang gemilang. Orang yang chedera itu, Lau San Wee, sa-orang ra'ayat Singapura tidak shak lagi berhutang nyawa kapada mereka.

Sarjan Dato Juned telah di-kurniakan DKLT Oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pada 11 Februari tahun ini.

## PENGUMUMAN PESUROHJAYA PENDAFTARAN KEBANGSAAN

**DENGAN ini ada-lah di-maklomkan kapada pemegang2 kad pengenalan Negeri Brunei yang bertukar alamat tempat tinggal supaya melaporkan diri ka-Pejabat Pendaftaran Kebangsaan yang berhampiran untok mendapatkan kad tukar alamat tempat tinggal yang baharu.**

**Pemegang2 kad pengenalan yang tidak melaporkan pertukaran alamat-nya yang baharu, ada-lah melakukan satu kesalahan yang mana boleh di-hukum penjara sa-lama dua tahun atau denda tidak lebeh dari $3,000.00 atau pun kedua2-nya.**

## LATEHAN MENEMBAK

PULIS Diraja Brunei akan mengadakan latehan menembak di-padang tembak Gadong pada hari ini dan esok mulai 7.00 malam hingga 9.30 malam.

Orang ramai ada-lah di-ingatkan supaya tidak berasa chemas apabila mendengar bunyi tembakan2 senapang di-kawasan Gadong pada kedua2 malam itu.

## *Awang Salman di-pileh mewakili Daerah Belait*

KUALA BELAIT.—Awang Salman bin Haji Abu Bakar, dan Dayang Hamsiah binte Mohamed Hussain, akan mewakili Daerah Belait ka-peraduan membacha Quran perengkat negeri, di-Bandar Seri Begawan lewat tahun ini.

Kedua2-nya menjadi johan, dalam bahagian masing2, di-peraduan membacha Quran Daerah Belait, yang berlangsong di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait, pada minggu lalu.

Peraduan itu, telah di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan, sementara hadiah2 di-sampaikan oleh isteri beliau, Pg. Hajjah Aishah.

Awang Salman dan Dayang Hamsiah, antara lain menerima hadiah tiket perchuma kapal terbang, pergi dan balek, dari Bandar Seri Begawan ka-Kota Kinabalu, yang di-hadiahkan oleh Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.